# Beri perhatian pendawaian, tembok di PPR

UTUSAN ONLINE | 06 Ogos 2019 12:32 PM



PERUMAHAN bertingkat Blok B, PPR Salak Selatan, Cheras antara yang masih belum menerima bekalan air selepas gangguan bekalan air berlaku sejak kelmarin di kawasan itu. - UTUSAN ONLINE/ AZLAN HADI ABU BAKAR

KUALA LUMPUR 6 Ogos – Semua aspek di dalam Projek Perumahan Rakyat (PPR) perlu diberikan perhatian penuh oleh kerajaan termasuk melakukan pemeriksaan terperinci agar ia selamat untuk didiami penghuninya.

Ketua Penyelaras Pusat Sumber Untuk Memajukan Masyarakat Dan Perumahan (Reach), Datuk Iskandar Abdul Samad berkata, tidak hanya memberikan penekanan kepada lif sebaliknya aspek-aspek lain seperti pendawaian elektrik juga perlu diberikan perhatian memandangkan kebanyakan PPR telah lama dibina dan ada yang usianya melebihi 20 tahun.

"Reach mengalu-alukan pengumuman Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin untuk mengadakan mesyuarat jawatankuasa bagi mencari mekanisme untuk mengurangkan insiden melibatkan lif di negara ini.

"Namun begitu, kami berharap pihak kementerian tidak hanya memberi penekanan kepada lif tetapi kepada aspek-aspek lain terutamanya di PPR yang kebanyakannya telah lama dibina dan ada yang usianya melebihi 20 tahun. Oleh itu, satu pemeriksaan yang terperinci perlu dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan ianya masih selamat didiami," katanya dalam kenyataan hari ini.

Baru-baru ini, lapan penduduk cedera apabila lif yang dinaiki mereka terhempas dari tingkat lima dalam kejadian di PPR Kerinchi di sini.